

19/09/2000

LPT: Terengganu perlecehkan Pusat

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Isnin - Hasrat kerajaan Terengganu untuk membina sendiri lebuhraya di negeri itu disifatkan sebagai satu cubaan untuk memperlecehkan Kerajaan Pusat.

Ketua Pegawai Operasi Akademi Pemuda Umno Malaysia, Dr Zambry Abdul Kadir, berkata kerajaan Pas itu sebenarnya tidak mampu membina lebuhraya berkenaan terutama setelah tidak menerima lagi wang tunai daripada Kerajaan Pusat melalui Petronas yang kini diberi dalam bentuk projek menerusi wang ihsan.

"Ini semacam satu perangkap kerana kerajaan negeri pimpinan Pas itu nanti akan memberitahu rakyat Terengganu pembinaan lebuhraya itu gagal kerana tiada lagi menerima wang daripada Petronas yang sepatutnya diterima rakyat Terengganu.

"Mungkin mereka ada perancangan sendiri, iaitu menswastakan pembinaan lebuhraya tetapi tanpa tol. Apakah ada syarikat swasta yang sanggup membina lebuhraya tanpa jaminan pulangan melalui kutipan tol?," katanya.

Akademi Pemuda Umno ialah pusat latihan dan penyelidikan sayap kanan parti itu yang dijangka dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak lama lagi.

Kelmarin, Menteri Besar Terengganu, Abdul Hadi Awang mengumumkan bahawa kerajaan negeri itu mempunyai kemampuan untuk membina lebuhraya berkenaan.

"Sebelum pilihan raya mereka (Kerajaan Pusat) kata nak buat lebuhraya dari Pahang ke Terengganu tetapi selepas pilihan raya, mereka kata nak buat untuk Pahang saja. Bila kita kata nak buat lebuhraya sendiri, tiba-tiba mereka kata nak buat lebuhraya sendiri," kata Timbalan Presiden Pas itu.

Semalam, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata Kerajaan Pusat tidak menghalang Terengganu membina lebuhraya sendiri, walaupun Kabinet memutuskan pembinaan Lebuhraya Pantai Timur (LPT) akan dimulakan serentak di Pahang dan Terengganu bulan depan.

Zambry menyifatkan kenyataan Abdul Hadi itu sebagai permainan politik setelah baru-baru ini merunggut bahawa mereka memerlukan wang royalti minyak dalam urusan pentadbirannya untuk menyediakan kemudahan kepada rakyat negeri itu.

Antara alasan Menteri Besar Terengganu itu ialah penghapusan tol di Jambatan Sultan Mahmud, penghapusan cukai pintu rumah kediaman dan pemberian pinjaman perumahan tanpa faedah untuk kakitangan kerajaan negeri adalah antara sebab Terengganu memerlukan wang itu.

Zambry yang juga ahli exco Pemuda Umno berkata, perangkap Abdul Hadi itu nanti akhirnya akan memperlihatkan Kerajaan Pusat sebagai pihak yang bertanggungjawab menidakkan pembangunan Terengganu.

(END)